

Headline	Kembar seiras kongsi minat sama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Supplement	Page No	M25,M27
ArticleSize	723 cm ²	Journalist	Maria Uffa Zulkafeli
PR Value	RM 74,767		

Kembar seiras kongsi minat sama



Nazhan Iskandar (kiri) dan Nazran Ikhwan.

➔ Bijak seimbangkan akademik, sukan untuk berjaya pada masa hadapan

Oleh Maria Uffa Zulkafeli
maria.uffa@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pasangan kembar seiras yang menghiasi ruangan Personaliti minggu ini berkongsi minat yang sama dalam sukan hoki sejak di sekolah rendah.

Nazhan Iskandar Fadzil dan adiknya, Nazran Ikhwan Fadzil, masing-masing mula menceburi sukan berkenaan sejak berusia tujuh tahun, selepas sering menemani kakak mereka menjalani latihan hoki pada setiap petang, ketika itu.

Ikuti perkongsian pembabitan kedua-dua pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Titiwangsa (Sekolah Sukan Negeri Kuala Lumpur (SSKL) itu



Nazran Ikhwan (dua kanan) ketika beraksi di padang.

dalam sukan berkenaan menerusi temu bual bersama dengan wartawan *BH Minda*.

Boleh anda berdua berkongsi bagaimana mula menceburi sukan hoki?

Nazran Ikhwan: Kami mula menceburi sukan hoki sejak berada di Tahun Satu sehingga kini. Pada mulanya, kami sering menemani kakak ke sekolah untuk berlatih hoki pada setiap petang. Disebabkan waktu latihannya mengambil masa hampir satu setengah jam, maka ibu mengambil keputusan membelikan kayu hoki bagi membolehkan kami

berdua memukul bola di tepi padang. Dari situ, kami berdua diberi peluang untuk berlatih hoki dan pada usia sembilan tahun kami terpilih mewakili sekolah dalam sukan hoki. Kini, saya dan abang mendapat bimbingan daripada jurulatih berpengalaman di SSKL, selain mendapat sokongan daripada ibu bapa dan keluarga untuk menjadi pemain hoki yang terbaik.

Apakah kelebihan yang anda lihat apabila terlibat aktif dalam sukan ini?

Nazhan Iskandar: Banyak kelebihan yang kami peroleh apabila menceburi sukan ini, antaranya mengajar kami erti kesabaran, tidak mementingkan diri sendiri kerana perlu bermain dalam satu pasukan, selain perlu bijak mengawal emosi terutama kemarahan ketika di padang kerana hal berkenaan boleh mengganggu emosi pemain lain. Malah, pembabitan dalam sukan ini menjadikan kami lebih berani dan dapat meningkatkan stamina masing-masing.

Bagaimana anda berdua membahagikan masa antara pelajaran dan sukan?

Nazran Ikhwan: Sebagai atlet, kami perlu pandai membahagikan masa

antara pelajaran dengan sukan. Rutin harian saya dan abang hampir sama. Memandangkan kami tidak tinggal di asrama, kami ke sekolah pada jam 6.30 pagi dan memulakan latihan pagi sebelum memasuki kelas selepas itu. Selepas waktu persekolahan, kira-kira jam 1.30 tengah hari, kami akan berehat, makan dan solat. Tepat jam 4 petang, kami kembali menjalani latihan hoki selama dua jam. Di rumah, kami akan menyiapkan tugas sekolah dan mengulang kaji pelajaran sebelum tidur pada jam 10 malam. Pada hujung minggu pula, kami akan berlatih selama dua jam bermula jam 8 pagi hingga 10 pagi.

Apakah harapan anda berdua dalam bidang akademik dan hoki pada masa hadapan?

Nazhan Iskandar: Saya ingin belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai cita-cita menjadi seorang jurutera, selain menjadi seorang pemain hoki yang hebat suatu hari nanti. Perkara sama juga diimpikan adik saya dalam sukan hoki tetapi beliau ingin menjadi seorang pelukis pelan. Paling penting, kami mahu membanggakan ibu bapa dan keluarga, bukan sahaja dalam bidang sukan, malah dalam pelajaran.

profil.

Nazhan Iskandar Fadzil dan Nazran Ikhwan Fadzil

Umur: 15
Tarikh lahir: 12 Julai 2003
Tempat lahir: Cheras, Kuala Lumpur
Kedudukan dalam keluarga: Anak ketiga dan keempat daripada lima beradik
Sekolah: Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Titiwangsa
Pembabitan dalam sukan hoki:
- Kejohanan TNB-IMalaysia Kebangsaan B14 (2017)
- Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) B12 (2015)



Nazhan Iskandar berazam menjadi pemain hoki yang terbaik.